

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JANUARI 2022  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 3

### SDG tangani pembangunan tidak lestari, elak tragedi

Oleh MAISARAH  
SHEIKH RAHIM  
[maisarah.rahim@mediamulia.com.my](mailto:maisarah.rahim@mediamulia.com.my)

**PUTRAJAYA:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Matlamat Pembangunan Mapan (SDG) perlu menjadi paksi utama dalam semua perancangan dan dasar terutamanya dalam menangani isu pembangunan tidak lestari sehingga merosakkan alam sekitar.

Perdana Menteri mahu perkara itu diutamakan, lebih-lebih lagi bagi mengelakkan tragedi seperti bencana banjir yang berlaku akhir tahun lalu

berulang pada masa hadapan.

Beliau menegaskan, sekiranya negara mengabaikan kesimbangan ini, padah yang terpaksa ditanggung tinggi seperti mana musibah dilalui barubaru ini ataupun mungkin lebih teruk lagi.

Jelas beliau, ia melangkui apa yang boleh diukur dari segi kewangan.

“Bencana banjir baru-baru ini menjelaskan kehidupan Keluarga Malaysia di beberapa negeri, yang bukan sahaja kehilangan harta benda, tetapi orang tersayang.

“Saya berharap perkara ini

dapat dijadikan iktibar semua pihak supaya dapat mengimbangi antara pembangunan dan kepentingan melindungi serta memulihara alam sekitar,” katanya ketika berucap melancarkan penubuhan Yayasan MySDG dan Dana Amanah MySDG di sini semalam.

Menurut Perdana Menteri, Dana Amanah MySDG merupakan kolaborasi antara kerajaan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia yang menyediakan sebuah platform bagi menghimpunkan pelbagai sumbangan bagi menyokong Agenda Pembangunan

Mampu 2030 (Agenda 2030).

Kata beliau, matlamatnya antara lain bertujuan membasi semua kategori kemiskinan, memerangi ketaksamaan, mewujudkan keamanan, menangani masalah alam sekitar dan memastikan tiada siapa pun dalam Keluarga Malaysia terpinggir daripada arus pembangunan.

Jelas beliau, penubuhan Yayasan MySDG pula mampu menarik lebih banyak sumbangan bagi melaksanakan pelbagai program berkaitan SDG bagi memastikan Agenda 2030 tercapai.